


SALINAN

GPPLJDLA




DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL
BAHAGIAN ELEKTRIK
UNIT ELEKTRIKAL PEMBANGUNAN SWASTA


GARIS PANDUAN
PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
ISI KANDUNGAN	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: IK1/1


BIL	PERKARA	MUKA SURAT
	<u>BAHAGIAN 1: UMUM</u>	
1.0	UMUM	GP1/1
1.1	Tujuan	
1.2	Terminologi	
1.3	Pematuhan Spesifikasi dan GP pemasangan lampu jalan dan lampu awam	GP1/2
1.4	Orang yang bertanggung jawab mengemukakan permohonan	
1.5	Tempat mengemukakan permohonan	
1.6	Orang yang menyelia dan membuat pemeriksaan di tapak kerja	
1.7	Tanggung jawab memaklumkan sebarang pindaan atau perubahan	GP1/3
1.8	Pengalihan dan rombakan tiang lampu jalan sedia ada	
1.9	Kedudukan tiang lampu jalan milik pemaju/ pemunya	
1.10	Syarat-syarat pengecualian pemasangan lampu jalan	
1.11	Caj sumbangan ke atas pengecualian pemasangan lampu jalan	GP1/4
1.12	Mematuhi arahan Datuk Bandar dari masa ke semasa	
1.13	Memperbetulkan ketidakpatuhan	
1.14	Hak untuk menolak	
	<u>BAHAGIAN 2: PENYEDIAAN PELAN DAN LUKISAN</u>	
2.0	PENYEDIAAN PELAN DAN LUKISAN	GP2/1
2.1	Umum	
2.1.1	Pelan hendaklah dilipat dalam saiz A4	
2.1.2	Pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan	
2.1.3	Permohonan kelulusan pelan dan bahan boleh dikemukakan secara berasingan	
2.1.4	Tempoh sah kelulusan pelan dan bahan	GP2/2
	Kelulusan pelan dan bahan terbatal dengan sendirinya	
2.1.5	Pindaan atau lanjutan tempoh sah kelulusan pelan dan bahan	
2.1.6	Perolehan bahan dan pemasangan lampu jalan dan lampu awam tidak boleh dimulakan sehinggalah semua pelan dan bahan diluluskan	
2.1.7	Format pelan	GP2/3
2.2	Warna lukisan	
2.3	Petunjuk (legend)	GP2/4
2.4	Pelan lampu jalan dan terowong yang dikehendaki	
2.5	Pelan lokasi dan tapak susunatur tiang lampu serta laluan kabel bawah tanah	
2.5.1	Pelan tiang lampu & tapak konkrit bertetulang	
2.5.2	Pelan peti agihan bekalan	
2.5.3	Pelan rajah skematik dan litar kawalan	
2.5.4	Pelan keratan rentas lampu jalan dan peti agihan bekalan di tapak	GP2/5
2.5.5	Pelan tapak susunatur lampu jalan dalam pembangunan milik pemaju/ pemunya	
2.5.6	Pelan pemasangan lampu jalan sementara	GP2/5
	Pelan lampu jejantas/ siar kaki berbumbung/ hentian teksi/ hentian bas	
2.5.7	Pelan kunci, lokasi dan tapak susunatur lampu serta laluan kabel	
2.6	Pelan papan agihan bekalan, rajah skematik dan litar kawalan	
2.6.1	Pelan keratan rentas lampu dan papan agihan bekalan di tapak	

	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: IK3/2
ISI KANDUNGAN		

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
	<u>BAHAGIAN 3: PROSES PERMOHONAN</u>	
3.0	PROSES PERMOHONAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM	GP3/1
3.1	Permohonan kelulusan pelan lampu jalan dan terowong Carta alir	GP3/3 GP3/4
3.2	Permohonan kelulusan pelan lampu jalan dan terowong Carta alir	GP3/6 GP3/7
3.3	Permohonan kelulusan pelan lampu jalan sementara Carta alir	GP3/8
3.4	Permohonan kelulusan pelan lampu jejantas/ siar kaki berbumbung/ hentian teksi/ hentian bas Carta alir	GP3/9 GP3/11
3.5	Permohonan pengecualian pemasangan lampu jalan Carta alir	GP3/12 GP3/14
3.6	Permohonan kelulusan bahan, pindaan atau lanjutan tempoh sah kelulusan lampu jalan dan lampu awam Carta alir	GP3/15 GP3/16
3.7	Permohonan sokongan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) atau Sijil Siap Kerja (SSK) lampu jalan dan lampu awam	GP3/17
3.7.1	Sistem lampu jalan/ terowong/ lampu jejantas/ siar kaki berbumbung/ hentian teksi/ hentian bas Carta alir	GP3/22 GP3/23
3.7.2	Pengecualian pemasangan sistem lampu jalan Carta alir	GP3/24 GP3/25
3.8	Permohonan pertukaran nama pengguna akaun bil elektrik TNB bagi peti/ papan agihan bekalan lampu jalan dan lampu awam daripada pemaju/ pemunya kepada Datuk Bandar. Carta alir	GP3/27 GP3/28
3.9	Permohonan penyerahan lampu jalan dan lampu awam daripada pemaju kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur Carta alir	GP3/29 GP4/1
	<u>BAHAGIAN 4 : PETUNJUK (LEGEND) PELAN LAMPU JALAN</u>	
4.0	PETUNJUK (LEGEND) PELAN LAMPU JALAN	
4.1	Jadual petunjuk pelan lampu jalan/terowong/lampu awam	GP4/2
4.2	Jadual petunjuk khas: permohonan pengecualian pemasangan lampu jalan	
4.3	Simbol dan warna	GP4/3
4.3.1	Simbol tiang lampu jalan	GP4/4
4.3.2	Simbol dan warna lantera lampu jalan	
4.3.3	Simbol dan warna Papan Agihan Bekalan (Feeder Pillar) lampu jalan	GP4/5
4.3.4	Contoh simbol, warna dan keterangan lampu jalan	
4.3.5	Nombor inventori peti agihan bekalan	
4.3.6	Nombor inventori tiang lampu jalan	

	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
ISI KANDUNGAN	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM	Semakan: 1
		Tarikh: Jun 2023
		Muka Surat: IK5/3

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
5.0	<u>BAHAGIAN 5 : LAMPIRAN</u>	GP5/1
5.1	<u>LAMPIRAN</u>	
5.1	<u>SENARAI BORANG JKME/UEPS</u>	
5.1.1	BORANG JKME/UEPS/1: pengesahan lantikan jurutera perunding elektrik oleh pemaju/pemunya	
5.1.2	BORANG JKME/UEPS/2: pengesahan jurutera perunding elektrik	
5.1.3	BORANG JKME/UEPS/3: permohonan kelulusan pelan-pelan kejuruteraan elektrik	
5.1.4	BORANG JKME/UEPS/4: pengesahan siap kerja & pengesahan lukisan terbina	
5.1.5	BORANG JKME/UEPS/5: pengesahan arkitek projek oleh pemaju/pemunya	
5.2	<u>SENARAI BORANG SEMAK JKME/SS</u>	
5.2.1	BORANG JKME/SS/1 : Senarai semak permohonan kelulusan pelan lampu jalan/ terowong	
5.2.2	BORANG JKME/SS/2 : Senarai semak permohonan kelulusan pelan lampu jalan sementara	
5.2.3	BORANG JKME/SS/3 : Senarai semak permohonan kelulusan pelan lampu jejantas/ siar kaki berbumbung/ hentian teksi/ hentian bas	
5.2.4	BORANG JKME/SS/4: Senarai semak permohonan kelulusan bahan	
5.2.5	BORANG JKME/SS/4A: Senarai semak lampu jalan/ lampu limpah led	
5.2.6	BORANG JKME/SS/5: Senarai semak permohonan sokongan perakuan siap & pematuhan atau sijil siap kerja: Komponen lampu jalan/ terowong/ jejantas/ siar kaki berbumbung/ hentian bas/ teksi	
5.2.7	BORANG JKME/SS/6: Senarai semak permohonan pertukaran nama pengguna akaun bil elektrik TNB bagi peti / papan agihan bekalan lampu jalan dan lampu awam	
5.2.8	BORANG JKME/SS/7: Senarai semak permohonan penyerahan sistem lampu jalan/ terowong/jejantas/siar kaki berbumbung/hentian bas/ hentian teksi kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur	
5.2.9	BORANG JKME/SS/8: Senarai semak permohonan pengecualian pemasangan lampu jalan	

 BAHAGIAN 1	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - UMUM	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP1/1

1.0 UMUM

1.1 TUJUAN

1.1.1 Garis Panduan Pemasangan Lampu Jalan Dan Lampu Awam ini bertujuan menyeragamkan kehendak-kehendak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi permohonan pemasangan lampu jalan, terowong, jejantas pejalan kaki, siar kaki berbumbung, hentian teksi dan bas di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

1.1.2 Rujukan kepada Jurutera Perunding Elektrik, Pemaju/ pemunya projek pembangunan, kontraktor utama, kontraktor elektrik dan kakitangan teknikal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi penyediaan dan semakan rekabentuk, pelan dan lukisan, bahan serta panduan berkaitan pemasangan, penyeliaan dan penyelenggaraan lampu jalan dan lampu awam.

1.2 TERMINOLOGI

Perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan berikut dalam garis panduan ini hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang diberikan di bawah :

1.2.1 "Datuk Bandar" ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur;

1.2.2 "DBKL" bermaksud Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;

1.2.3 "JKME" bermaksud Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Dan Elektrikal;

1.2.4 "JKPS 1" bermaksud Jawatan Kuasa Pusat Setempat 1 yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar/ Pengganti yang dilantik;

1.2.5 "JKPS 2" bermaksud Jawatan Kuasa Pusat Setempat 2 yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif (Perancangan)/ Pengganti yang dilantik;

1.2.6 "JKPLJ" bermaksud Jawatan Kuasa Pelan Lampu Jalan;

1.2.7 "OSC" bermaksud "One Stop Centre" iaitu urus setia Pusat Setempat;


1.2.8 "GPPLJDLA" bermaksud Garis Panduan Pemasangan Lampu Jalan Dan Lampu Awam dan lampiran yang terkandung di sini yang dikeluarkan oleh JKME, DBKL;

1.2.9 "Spesifikasi Pemasangan Lampu Jalan Dan Lampu Awam" (selepas ini disebut "SPLJDLA") bermaksud Spesifikasi Pemasangan Lampu Jalan Dan Lampu Awam yang dikeluarkan oleh JKME, DBKL;

1.2.10 "Pemaju/ pemunya" bermaksud seseorang, tuan punya tunggal, perkongsian atau syarikat atau kontraktor utama yang melaksanakan projek pembangunan ini dan/atau pemunya projek pembangunan ini dan termasuk wakil peribadi pemaju/pemunya, waris, pengganti, wasi, pentadbir, pekerja dan ejen;

1.2.11 "Jurutera Perunding Elektrik" (selepas ini disebut "JPE") bermaksud seseorang atau syarikat yang sah dan berdaftar dengan "Board of Engineers of Malaysia (BEM)" atau "Institute of Engineers of Malaysia (IEM)" yang telah dilantik oleh pemaju/ pemunya ;

1.2.12 "Kontraktor elektrik" bermaksud seseorang atau syarikat yang menjalankan atau menyiapkan atau mengaku janji untuk menjalankan atau menyiapkan apa-apa kerja elektrik dan sah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Suruhanjaya Tenaga Malaysia (ST) yang dilantik oleh pemaju/ pemunya ;

 BAHAGIAN 2	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PETUNJUK (LEGEND) PELAN LAMPU JALAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP1/2

- 1.2.13** “Lampu jalan dan lampu awam” bermaksud mana-mana lampu yang dipasang untuk menerangi jalan raya, terowong laluan kenderaan, laluan pejalan kaki, jejantas, siar kaki berbumbung, hentian teksi dan hentian bas;
- 1.2.14** “ Jabatan Perancangan Infrastruktur” (selepas ini disebut “**JPIF**”) bermaksud jabatan yang menyelaras dan meluluskan pelan jalan dan perparitan.
- 1.2.15** “Perakuan Siap Dan Pematuhan (selepas ini disebut “**CCC**”) (Certificate of Completion and Compliance) bermaksud perakuan yang dikeluarkan oleh arkitek profesional yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia (**LAM**) atau Jurutera Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia atau Pelukis Pelan Bangunan yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia
- 1.2.16** “Sijil Siap Kerja” atau “Perakuan Siap Kerja” bermaksud surat/ sijil pengesahan siap kerja yang ditandatangani oleh pegawai Penguasa;

1.3 PEMATUHAN KEPADA SPESIFIKASI DAN GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM

1.3.1 Semua kerja-kerja berkaitan rekabentuk, permohonan kelulusan pelan dan bahan, permohonan bekalan elektrik, penyeliaan, pemasangan, pengujian, pentauliahan, penyelenggaraan dan penyerahan lampu jalan dan lampu awam hendaklah merujuk dan mematuhi **Spesifikasi Pemasangan Lampu Jalan Dan Lampu Awam (SPLJDLA)** dan **Garis Panduan Pemasangan Lampu Jalan Dan Lampu Awam (GPPLJDLA)** ini.

1.3.2 Kegagalan mematuhi Spesifikasi **SPLJDLA** serta Gari Panduan **GPPLJDLA** ini boleh menyebabkan permohonan Pemasangan Lampu Jalan Dan Lampu Awam **DITOLAK**.

1.4 ORANG YANG BERTANGGUNG JAWAB MENGEMUKAKAN PERMOHONAN


Permohonan bagi kelulusan pelan-pelan, bahan dan semua perkara berkaitan pemasangan dan penyelenggaraan lampu jalan dan lampu awam hendaklah diperakui dan dikemukakan oleh Jurutera Perunding Elektrik (**JPE**)/ orang kompeten yang dilantik oleh pemaju/ pemunya/ kontraktor utama.

1.5 TEMPAT MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

Permohonan berkaitan pemasangan dan penyelenggaraan lampu jalan dan lampu awam hendaklah dikemukakan kepada Pengarah, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Unit Elektrikal Pembangunan Swasta, Bahagian Elektrik, Tingkat 7 Selatan, Menara DBKL 2, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur atau seperti dinyatakan.

1.6 ORANG YANG MENYELIA DAN MEMBUAT PEMERIKSAAN DI TAPAK KERJA

JPE/ orang kompeten yang memperakui pelan lampu jalan dan lampu awam hendaklah menyelia dan membuat pemeriksaan yang perlu untuk memastikan bahan-bahan dan kerja-kerja yang dijalankan di tapak mengikut kelulusan pelan dan bahan, Spesifikasi **SPLJDLA**, **GPPLJDLA** ini atau syarat-syarat yang dikenakan oleh Datuk Bandar.

 BAHAGIAN 1	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - UMUM	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP1/3

1.7 TANGGUNG JAWAB MEMAKLUMKAN SEBARANG PINDAAN ATAU PERUBAHAN

JPE dan/atau pemaju/ pemunya hendaklah bertanggung jawab untuk memaklumkan serta mengemukakan apa-apa dokumen pindaan atau perubahan kelulusan Perintah Pembangunan, kelulusan pelan jalan & perparitan terkini dan rekabentuk kepada Pengarah JKME, DBKL.

1.8 PENGALIHAN DAN ROMBAKAN TIANG LAMPU JALAN SEDIA ADA

Kerja-kerja rombakan atau pengalihan lampu jalan sedia ada hanya boleh dimulakan selepas pelan lampu jalan sementara diluluskan dan lampu jalan sementara telah siap dipasang dan berfungsi dengan tahap pencahayaan minima 2 cd/m² serta mematuhi kehendak **SPLJDLA**.


1.9 KEDUDUKAN TIANG LAMPU JALAN MILIK PEMAJU/ PEMUNYA

Semua tiang-tiang lampu jalan milik pemaju/ pemunya **TIDAK BOLEH DIPASANG DIATAS RIZAB JALAN AWAM** selain daripada kawasan tanah milik pemaju/pemunya sahaja.

1.10 SYARAT-SYARAT PENGECEUALIAN PEMASANGAN LAMPU JALAN

Permohonan pengecualian pemasangan sistem lampu jalan dan lampu awam **boleh dipertimbangkan** oleh jawatankuasa sekiranya memenuhi kesemua syarat-syarat berikut:

- 1.10.1 JPE mengemukakan permohonan lengkap untuk proses kelulusan;
- 1.10.2 Jalan dan laluan terlibat telah sedia ada lampu jalan; **dan**
- 1.10.3 Lampu jalan sedia ada masih berfungsi dengan baik; **dan**
- 1.10.4 Keadaan fizikal lantera, lengkapan lampu, lampu, tiang lampu, komponen dan pendawaian adalah baik, kemas, bersih, tanpa karat dan bersesuaian ; **dan**
- 1.10.5 Susunatur tiang lampu jalan adalah teratur dan rapi; **dan**
- 1.10.6 Tiada kabel sementara talian atas ke peti agihan bekalan dan/atau daripada peti agihan ke tiang lampu dan/atau daripada tiang lampu ke tiang lampu; **dan**
- 1.10.7 Kabel bawah tanah bekalan elektrik daripada peti agihan bekalan ke tiang-tiang lampu jalan masih berfungsi dan dalam keadaan baik; **dan**
- 1.10.8 Lampu jalan, lampu limpah dan lampu laluan pejalan kaki sedia ada adalah jenis diod pancaran cahaya (*Light Emitting Diode - LED*); **dan**
- 1.10.9 Keadaan fizikal peti agihan bekalan (feeder pillar), komponen dan pendawaian adalah baik, kemas, bersih, tanpa karat dan bersesuaian ; **dan**
- 1.10.10 Susunatur peti agihan bekalan (feeder pillar) adalah teratur dan rapi; **dan**
- 1.10.11 Lantera, tiang lampu jalan, peti agihan bekalan dan sistem lampu jalan dan lampu awam sedia ada telah mematuhi Spesifikasi **SPLJDLA** semasa atau terkini ketika permohonan kelulusan pelan lampu jalan dan lampu awam dikemukakan oleh JPE;
- 1.10.12 Tiang lampu jalan dan peti agihan bekalan sedia ada hendaklah :-
 - 1.10.12.1 Tidak berada di atas laluan pejalan kaki;
 - 1.10.12.2 Tidak menghalang laluan pejalan kaki;
 - 1.10.12.3 Tiang lampu jalan dipasang secara *flange* di atas konkrit bertetulang;
 - 1.10.12.4 Tidak berada kurang 600 mm daripada *kerb* jalan raya.

 BAHAGIAN 1	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - UMUM	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP1/4

1.10.12.5 Tidak berada kurang 600 mm daripada garisan sempadan atau longkang.
dan

1.10.13 JPE hendaklah mengesahkan tahap pencahayaan di tapak mencukupi dan mematuhi skema pencahayaan mengikut Spesifikasi **SPLJDLA**.

1.11 CAJ SUMBANGAN KE ATAS PENGECUALIAN PEMASANGAN LAMPU JALAN

Sekiranya pihak pemaju/ pemunya pembangunan telah diluluskan pengecualian pemasangan sistem lampu jalan dan lampu awam oleh Pengarah JKME, maka pemaju/ pemunya hendaklah membiayai kos pemasangan lampu jalan dan lampu awam yang telah disediakan terlebih dahulu oleh Datuk Bandar dengan membayar caj sumbangan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Datuk Bandar.

1.12 MEMATUHI ARAHAN DATUK BANDAR DARI MASA KE SEMASA

JPE, Pemaju/ pemunya dan Kontraktor Elektrik hendaklah sentiasa mematuhi segala dan semua arahan Datuk Bandar dari masa ke semasa berkaitan apa-apa perkara yang perlu dan bersampingan dengan pemasangan lampu jalan dan lampu awam serta menanggung segala kos berhubung dengan pelaksanaan dan pematuhan kepada arahan Datuk Bandar tersebut.


1.13 MEMPERBETULKAN KETIDAKPATUHAN

Sekiranya berlaku apa-apa ketidakpatuhan mengikut SPLJDLA, GPPLJDLA dan/atau syarat-syarat yang dikenakan oleh Datuk Bandar, maka Datuk Bandar berhak untuk mengambil apa-apa tindakan yang bersesuaian seperti dinyatakan di bawah Seksyen 1, Para 1.21 SPLJDLA.

1.14 HAK UNTUK MENOLAK

Kelulusan mana-mana pengujian dan/atau bahan dan/atau produk oleh pihak ketiga tidak akan menjejaskan hak Datuk Bandar untuk menolak produk, bahan dan aksesori jika tidak mematuhi SPLJDLA dan GPPLJDLA ini.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
BAHAGIAN 2	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PENYEDIAAN PELAN DAN LUKISAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP2/1

2.0 PENYEDIAAN PELAN DAN LUKISAN

Semua pelan-pelan dan lukisan yang dikemukakan samada pelan pembinaan, pelan permohonan kelulusan dan pelan terbina (as build) hendaklah mematuhi kehendak-kehendak Seksyen 9 Spesifikasi SPLJDLA dan GPPLJDLA ini.

2.1 UMUM

2.1.1 PELAN HENDAKLAH DILIPAT DALAM SAIZ A4

Semua pelan bersaiz A1 atau A0 yang dikemukakan hendaklah dilipat kepada saiz A4.

2.1.2 PELAN HENDAKLAH DIKEMUKAKAN DALAM TIGA SALINAN

2.1.2.1 Semua pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga (3) salinan.

2.1.2.2 Satu (1) salinan hendaklah set pelan-pelan yang dilukis **atas bahan linen atau bahan lain yang tahan lasak dan tahan lama.**

2.1.2.3 Dua (2) set lagi hendaklah salinan pelan-pelan yang dilukis atas kertas lukisan standard.

2.1.2.4 Semua pelan tapak susunatur tiang lampu jalan/ jejantas/ siar kaki berbumbung/ hentian teksi/ hentian bas serta laluan kabel bawah tanah hendaklah **diwarnakan.**

2.1.2.5 Pelan terbina (as build) hendaklah dikemukakan lengkap dengan pelan digital dalam format PDF dan autocad.

2.1.3 PERMOHONAN KELULUSAN PELAN DAN BAHAN BOLEH DIKEMUKAKAN SECARA BERASINGAN

Permohonan kelulusan pelan dan kelulusan bahan boleh dikemukakan secara serentak atau berasingan. Sekiranya permohonan dibuat secara berasingan, permohonan kelulusan bahan hendaklah dikemukakan setelah pelan-pelan lampu jalan dan lampu awam diluluskan dan sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak


2.1.4 TEMPOH SAH KELULUSAN PELAN DAN BAHAN

2.1.4.1 Kelulusan pelan dan bahan adalah sah untuk tempoh **dua belas (12) bulan** dari tarikh surat kelulusan atau tarikh kelulusan yang tercatat pada pelan-pelan tersebut.

2.1.4.2 Sekiranya permohonan kelulusan bahan dikemukakan secara berasingan dan diluluskan selepas tarikh kelulusan pelan, maka tarikh tamat sah kelulusan bahan ini akan bersamaan dengan tarikh tamat kelulusan pelan.

2.1.4.3 Permohonan lanjutan tempoh sah kelulusan hendaklah dikemukakan **sekurang-kurangnya dua (2) bulan** sebelum tamat tempoh sah kelulusan asal.

2.1.4.4 Pengarah JKME adalah berhak meluluskan atau menolak untuk melanjutkan tempoh sah kelulusan pelan dan bahan tersebut. Sekiranya ditolak, surat pernyataan menerangkan sebab-sebab ianya ditolak akan dikeluarkan kepada JPE untuk tindakan selanjutnya.

 BAHAGIAN 2	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PENYEDIAAN PELAN DAN LUKISAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP2/2

2.1.5 KELULUSAN PELAN DAN BAHAN TERBATAL DENGAN SENDIRINYA

2.1.5.1 Kelulusan pelan akan terbatal dengan sendirinya apabila berlaku salah satu daripada perkara-perkara berikut:

- (a) Kelulusan Perintah Pembangunan (D.O) terkini telah dipinda;
- (b) Kelulusan Jalan & Perparitan (R&D) terkini telah dipinda;
- (c) Pemasangan lampu jalan dan lampu awam di tapak telah diubah dan tidak mematuhi kelulusan pelan asal;
- (d) Tamat tempoh sah kelulusan pelan iaitu selepas 12 bulan dari tarikh kelulusan.

2.1.5.2 Kelulusan bahan akan terbatal dengan sendirinya apabila berlaku salah satu daripada perkara-perkara berikut:

- (a) Pemasangan bahan yang tidak diluluskan;
- (b) Tamat tempoh sah kelulusan bahan iaitu selepas 12 bulan dari tarikh kelulusan.

2.1.5.3 JPE hendaklah mengemukakan permohonan bagi pindaan, pembaharuan atau lanjutan tempoh sah laku kelulusan pelan dan bahan yang telah terbatal.

2.1.6 PINDAAN ATAU LANJUTAN TEMPOH SAH KELULUSAN PELAN DAN BAHAN

Pelan dan bahan yang telah diluluskan boleh dikemukakan semula untuk pindaan atau lanjutan tempoh sah kelulusan tetapi dalam hal yang demikian kehendak mengikut SPLJDLA semasa permohonan dikemukakan perlulah dipatuhi dan terpakai sewajarnya.

2.1.7 PEROLEHAN BAHAN DAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM TIDAK BOLEH DIMULAKAN SEHINGGALAH SEMUA PELAN DAN BAHAN DILULUSKAN

Pemaju/ pemunya dan/atau kontraktor tidak boleh membuat pesanan, tempahan atau pembelian bahan-bahan dan tidak boleh memulakan kerja-kerja pemasangan lampu jalan dan lampu awam sehinggalah semua bahan, pelan dan lukisan yang dikehendaki mengikut SPLJDLA dan GPPLJDLA ini telah diluluskan oleh Pengarah JKME. Rujuk **Seksyen 1, Para 1.6, 1.7, 1.8 dan 1.9, SPLJDLA**.

2.2 FORMAT PELAN


Semua pelan/ lukisan hendaklah disediakan mengikut format pelan yang mematuhi kehendak di bawah **Seksyen 9, Para 9.5, SPLJDLA** dan **Bahagian 2 GPPLJDLA** ini.

2.2.1 Paparan pelan hendaklah dipersembahkan dalam orientasi lanskap dengan lukisan diruangan sebelah kiri dan blok tajuk (title block) di sebelah kanan. Rujuk Seksyen 9, Para 9.5.1, SPLJDLA.

2.2.2 Blok tajuk (title block). Rujuk Seksyen 9, Para 9.5.2, SPLJDLA.

2.2.3 Skel pelan. Rujuk Seksyen 9, Para 9.5.3, SPLJDLA.

2.2.4 Petunjuk (legend). Rujuk Seksyen 9, Para 9.5.4 SPLJDLA dan Bahagian 4, GPPLJDLA ini.

	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
BAHAGIAN 2	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PENYEDIAAN PELAN DAN LUKISAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP2/3

2.2.5 Contoh format pelan

RUANG LUKISAN, PETUNJUK & LAIN-LAIN MAKLUMAT	RUANG KOSONG 5" x 6"
	TAJUK PROJEK
	NAMA, ALAMAT, NO HUBUNGAN PEMAJU/ PEMILIK
	T.TANGAN, NAMA, NO KP PEMAJU/ PEMILIK
	NAMA, ALAMAT, NO HUBUNGAN ARKITEK PROJEK
	NAMA, ALAMAT, NO HUBUNGAN JPE
	T.TANGAN, SIL PROFESIONAL & PERAKUAN JPE
	PERAKUAN JPE
	TAJUK LUKISAN
	NO. PELAN/ SEMAKAN
	SKEL PLAN
	LAIN-LAIN
	LAIN-LAIN


Ruangan untuk penyediaan lukisan Ruangan blok tajuk

2.3 WARNA LUKISAN

Sesalinan pelan tapak susunatur tiang lampu jalan dan lampu jejantas/ siar kaki berbumbung/ hentian teksi/ hentian bas hendaklah diwarnakan seperti berikut:


- 2.3.1 Kerja-kerja melibatkan pembinaan jalan awam baru, pembesaran dan pelebaran jalan awam sedia ada, turapan jalan sedia ada dan Jalan awam sedia ada yang berada di dalam had kerja (limit of work) hendaklah diwarnakan **kuning muda atau sepertimana yang dijelaskan dalam pelan jalan dan perparitan yang telah diluluskan oleh JPIF** ;
- 2.3.2 Serahan tanah sebagai rizab jalan sahaja hendaklah diwarnakan **biru muda atau dilorek atau sepertimana yang dijelaskan dalam pelan jalan dan perparitan yang telah diluluskan oleh JPIF**;
- 2.3.3 Lain-lain jalan hendaklah dibiarkan **tanpa sebarang warna**;
- 2.3.4 Lampu jalan dan lampu awam hendaklah mengikut petunjuk (legend) pelan lampu jalan. Rujuk Bahagian 4, GPPLJDLA ini.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
BAHAGIAN 2	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PENYEDIAAN PELAN DAN LUKISAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP2/4

2.4 **PETUNJUK (LEGEND)**


2.4.1 Jadual petunjuk (legend) hendaklah mengandungi tiga (3) petak iaitu petak simbol, keterangan dan kuantiti tiang. Rujuk Bahagian 4, GPPLJDLA ini.
Contoh:

Simbol	Keterangan	Kuantiti Tiang
	1 X Lantera LED baharu dengan keupayaan penghasilan pencahayaan ' <i>average maintained Road Surface Luminance</i> ' minima 2.0 cd/m ² pada tiang lampu jalan baharu ketinggian 9.0 m lengkap dengan 0.25 m <i>bracket arm</i>	2


2.4.2 Jadual petunjuk (legend) khas tiang lampu jalan yang terlibat dengan **permohonan pengecualian pemasangan** lampu jalan dan lampu awam hendaklah mengandungi enam (6) petak/ ruang iaitu :

- petak simbol ;
- nombor tiang ;
- ketinggian *service door* dari aras tanah/ *flange plate* ;
- keadaan fizikal tiang sama ada tegak atau senget/ condong ;
- kabel lampu jalan sama ada kabel bawah tanah atau kabel sementara talian atas ;
- jenis lantera samada HPSV atau LED.

Contoh:

Simbol	No. Tiang	Ketinggian <i>service door</i> dari aras tanah/ <i>flange plate</i>	Fizikal Tiang	Kabel Lampu Jalan sedia ada	Jenis Kabel	Jenis Lantera
	DBKL 12 JK	450 mm	Senget/ condong	Kabel sementara talian atas	2 core/ 4 core	HPSV

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

 BAHAGIAN 2	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PENYEDIAAN PELAN DAN LUKISAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP2/5

2.5 PELAN LAMPU JALAN DAN TEROWONG YANG DIKEHENDAKI

Penyediaan Pelan-pelan ini hendaklah mematuhi kehendak di bawah **Seksyen 9, SPLJDLA**.

2.5.1 PELAN KUNCI, LOKASI DAN TAPAK SUSUNATUR TIANG LAMPU JALAN SERTA LALUAN KABEL BAWAH TANAH

Pelan-pelan ini hendaklah mematuhi kehendak Seksyen 9, Para 9.6.1, SPLJDLA.

2.5.2 PELAN TIANG LAMPU & TAPAK KONKRIT BERTETULANG

Pelan-pelan ini hendaklah mematuhi kehendak Seksyen 9, Para 9.6.2, SPLJDLA.

2.5.3 PELAN PETI AGIHAN BEKALAN

Pelan-pelan ini hendaklah mematuhi kehendak Seksyen 9, Para 9.6.3, SPLJDLA.

2.5.4 PELAN RAJAH SKEMATIK DAN LITAR KAWALAN

Pelan-pelan ini hendaklah mematuhi kehendak Seksyen 9, Para 9.6.4, SPLJDLA.

2.5.5 PELAN KERATAN RENTAS MENUNJUKKAN KEDUDUKAN LAMPU JALAN DAN PETI AGIHAN BEKALAN DI TAPAK

Pelan keratan rentas menunjukkan cadangan kedudukan lampu jalan serta peti agihan bekalan di tapak hendaklah mematuhi kehendak Seksyen 9, Para 9.6.5, SPLJDLA.

2.5.6 PELAN TAPAK SUSUNATUR LAMPU JALAN/ KAWASAN DI DALAM PEMBANGUNAN MILIK PEMAJU/ PEMUNYA

Semua pelan tapak susunatur lampu jalan/ kawasan dalam kawasan pembangunan milik pemaju hendaklah mematuhi kehendak Seksyen 9, Para 9.6.6, SPLJDLA.

2.5.7 PELAN PEMASANGAN LAMPU JALAN SEMENTARA

Pelan-pelan ini hendaklah mematuhi kehendak Seksyen 9, Para 9.6.7, SPLJDLA.

2.6 PELAN LAMPU JEJANTAS/ SIAR KAKI BERBUMBUNG/ HENTIAN TEKSI/ HENTIAN BAS

Penyediaan Pelan-pelan ini hendaklah mematuhi kehendak di bawah **Seksyen 9, SPLJDLA**.

2.6.1 PELAN KUNCI, LOKASI DAN TAPAK SUSUNATUR LAMPU SERTA LALUAN KABEL

Pelan-pelan ini hendaklah mematuhi kehendak Seksyen 9, Para 9.7.1, SPLJDLA.


2.6.2 PELAN PAPAN AGIHAN BEKALAN, RAJAH SKEMATIK DAN LITAR KAWALAN

Pelan-pelan ini hendaklah mematuhi kehendak Seksyen 9, Para 9.7.2, SPLJDLA.

2.6.3 PELAN KERATAN RENTAS LAMPU DAN PAPAN AGIHAN BEKALAN DI TAPAK

Pelan-pelan ini hendaklah mematuhi kehendak Seksyen 9, Para 9.7.3, SPLJDLA.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/1

3.0 PROSES PERMOHONAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM


3.1 SEMAKAN DOKUMEN PELAN LAMPU JALAN DAN TEROWONG (UNTUK KEGUNAAN JABATAN DALAMAN DBKL)

3.1.1 PERMOHONAN SEMAKAN DOKUMEN PELAN LAMPU JALAN/ TEROWONG BAHARU (UNTUK KEGUNAAN JABATAN DALAMAN DBKL)

Permohonan semakan dokumen pelan lampu jalan/ terowong baharu hendaklah dikemukakan lengkap dengan dokumen mengikut keperluan berikut:-

- 3.1.1.1 Surat Permohonan JPE;
- 3.1.1.2 Borang JKME/SS/1 ;
- 3.1.1.3 Borang JKME/UEPS/1 ;
- 3.1.1.4 Borang JKME/UEPS/2 ;
- 3.1.1.5 Borang JKME/UEPS/3 ;
- 3.1.1.6 Borang JKME/UEPS/5 ;
- 3.1.1.7 Salinan Surat Perintah Pembangunan (D.O) dan lampiran beserta pindaan;
- 3.1.1.8 Salinan kelulusan Pelan Kunci & Tapak Perintah Pembangunan bersaiz A1 terkini;
- 3.1.1.9 Salinan Surat Kelulusan Jalan & Perparitan (R&D) dan lampiran beserta pindaan;
- 3.1.1.10 Salinan Pelan Tapak & Keratan Rentas Jalan & Perparitan bersaiz A1 terkini;
- 3.1.1.11 Sila kemukakan pelan-pelan perincian Lampu Jalan/ terowong mengikut jenis permohonan:-
 - (a) Bagi **Semakan Pelan Lampu Jalan / terowong baharu bagi Jabatan Dalaman**, sila kemukakan pelan-pelan perincian Lampu Jalan berikut :
 - (i) Pelan Kunci, lokasi dan tapak susunatur tiang lampu jalan serta laluan kabel bawah tanah (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.1, SPLJDLA) ;
 - (ii) Pelan Tiang lampu & tapak konkrit bertetulang (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.2, SPLJDLA dan Bahagian 4 Para 4.3.6 GPPLJDLA);
 - (iii) Pelan Peti Agihan Bekalan (feeder pillar) (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.3, SPLJDLA dan Bahagian 4 Para 4.3.5 GPPLJDLA);
 - (iv) Pelan Rajah skematik dan litar kawalan (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.4, SPLJDLA) ;
 - (v) Pelan Keratan rentas menunjukkan kedudukan tiang lampu dan peti agihan bekalan di tapak (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.5, SPLJDLA) ;
 - (vi) Pelan Tapak susunatur lampu jalan/ kawasan di dalam pembangunan milik pemaju/ pemunya (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.6, SPLJDLA)

3.1.2 JPE kemukakan permohonan ke kaunter semakan JKME, DBKL.

 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/2

3.1.2.1 Semakan BORANG JKME/SS/1:

- (a) Jika dokumen, lukisan dan pelan-pelan **TIDAK LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(X)** dalam Borang JKME/SS/1, maka kesemua dokumen & pelan-pelan akan diserahkan kembali kepada JPE untuk tindakan pembetulan dan kemukakan semula sebagai permohonan baharu.
- (b) Jika dokumen, lukisan dan pelan-pelan **LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(/)** dan/atau **(TB)** dalam Borang JKME/SS/1, maka kesemua dokumen & pelan-pelan akan diserahkan semula ke JPE untuk di kemukakan kepada OSC.

3.1.2.2 Permohonan akan diproses dalam tempoh **1 Jam** daripada tarikh penerimaan dokumen dan pelan/ lukisan yang lengkap.


3.1.2.3 Proses permohonan

3.1.2.4 Jika pelan **TIDAK DILULUSKAN**, surat pernyataan menerangkan sebab-sebab ianya tidak diluluskan dan satu (1) salinan pelan akan dikeluarkan kepada JPE untuk tindakan pembetulan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.


3.1.2.5 Jika pelan atau permohonan **DILULUSKAN**:


- (a) Bagi permohonan baharu atau pindaan pelan yang telah diluluskan –
 - (i) Surat kelulusan dan satu (1) salinan kelulusan pelan atas kertas lukisan standard akan dikeluarkan kepada JPE;
 - (ii) satu (1) salinan kelulusan pelan atas bahan linen atau bahan lain yang tahan lasak dan tahan lama, bersama dengan satu (1) salinan lain akan disimpan oleh Pengarah JKME.
- (b) Bagi permohonan lanjutan tempoh sah kelulusan pelan:
 - i) Surat kelulusan dan satu (1) salinan lukisan asal yang telah dilanjutkan tempoh sah kelulusan akan dikeluarkan kepada JPE;
 - ii) Satu (1) salinan kelulusan pelan atas bahan linen atau bahan lain yang tahan lasak dan tahan lama, bersama dengan satu (1) salinan lain yang telah dilanjutkan tempoh sah kelulusan akan disimpan oleh Pengarah JKME.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1
		Tarikh: Jun 2023
		Muka Surat: GP3/3

3.1.2 **CARTA ALIR KELULUSAN PELAN LAMPU JALAN DAN TEROWONG (UNTUK KEGUNAAN JABATAN DALAMAN DBKL)**



 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/4

3.2 **SEMAKAN PELAN LAMPU JALAN DAN TEROWONG (KAUNTER OSC)**


3.2.1 Permohonan semakan pelan lampu jalan/ terowong baharu, Pindaan pelan yang telah diluluskan dan Lanjutan tempoh sah kelulusan hendaklah dikemukakan lengkap dengan dokumen mengikut keperluan berikut:-

- 3.2.2.1 Surat Permohonan JPE;
- 3.2.2.2 Borang JKME/SS/1 ;
- 3.2.2.3 Borang JKME/UEPS/1 ;
- 3.2.2.4 Borang JKME/UEPS/2 ;
- 3.2.2.5 Borang JKME/UEPS/3 ;
- 3.2.2.6 Borang JKME/UEPS/5 ;
- 3.2.2.7 Salinan Surat Perintah Pembangunan (D.O) dan lampiran beserta pindaan;
- 3.2.2.8 Salinan kelulusan Pelan Kunci & Tapak Perintah Pembangunan bersaiz A1 terkini;
- 3.2.2.9 Salinan Surat Kelulusan Jalan & Perparitan (R&D) dan lampiran beserta pindaan;
- 3.2.2.10 Salinan Pelan Tapak & Keratan Rentas Jalan & Perparitan bersaiz A1 terkini;
- 3.2.2.11 Sila kemukakan pelan-pelan perincian Lampu Jalan/ terowong mengikut jenis permohonan:-

(b) Bagi **Semakan Pelan Lampu Jalan / terowong baharu**, sila kemukakan pelan-pelan perincian Lampu Jalan berikut :

- (i) Pelan Kunci, lokasi dan tapak susunatur tiang lampu jalan serta laluan kabel bawah tanah (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.1, SPLJDLA) ;
- (ii) Pelan Tiang lampu & tapak konkrit bertetulang (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.2, SPLJDLA dan Bahagian 4 Para 4.3.6 GPPLJDLA);
- (iii) Pelan Peti Agihan Bekalan (feeder pillar) (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.3, SPLJDLA dan Bahagian 4 Para 4.3.5 GPPLJDLA);
- (iv) Pelan Rajah skematik dan litar kawalan (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.4, SPLJDLA) ;
- (v) Pelan Keratan rentas menunjukkan kedudukan tiang lampu dan peti agihan bekalan di tapak (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.5, SPLJDLA) ;
- (vi) Pelan Tapak susunatur lampu jalan/ kawasan di dalam pembangunan milik pemaju/ pemunya (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.6, SPLJDLA)

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/5

3.2.2 JPE kemukakan permohonan ke JKME, DBKL.

3.2.3 Semakan BORANG JKME/SS/1:

- (a) Jika dokumen, lukisan dan pelan-pelan **TIDAK LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(X)** dalam Borang JKME/SS/1, maka kesemua dokumen & pelan-pelan akan diserahkan kembali kepada JPE untuk tindakan pembedahan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.
- (b) Jika dokumen, lukisan dan pelan-pelan **LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(/)** dan/atau **(TB)** dalam Borang JKME/SS/1, maka kesemua dokumen & pelan-pelan akan diserahkan semula ke JPE untuk di kemukakan kepada OSC.

3.2.4 Permohonan akan diproses dalam tempoh **1 Jam** daripada tarikh penerimaan dokumen dan pelan/ lukisan yang lengkap.


3.2.5 Proses permohonan.

3.2.6 Jika pelan **TIDAK DILULUSKAN**, surat pernyataan menerangkan sebab-sebab ianya tidak diluluskan dan satu (1) salinan pelan akan dikeluarkan kepada JPE untuk tindakan pembedahan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.


3.2.7 Jika pelan atau permohonan **DILULUSKAN**:


- (a) Bagi permohonan baharu atau pindaan pelan yang telah diluluskan –
 - (iii) Surat kelulusan dan satu (1) salinan kelulusan pelan atas kertas lukisan standard akan dikeluarkan kepada JPE;
 - (iv) satu (1) salinan kelulusan pelan atas bahan linen atau bahan lain yang tahan lasak dan tahan lama, bersama dengan satu (1) salinan lain akan disimpan oleh Pengarah JKME.
- (b) Bagi permohonan lanjutan tempoh sah kelulusan pelan:
 - (i) Surat kelulusan dan satu (1) salinan lukisan asal yang telah dilanjutkan tempoh sah kelulusan akan dikeluarkan kepada JPE;
 - (ii) Satu (1) salinan kelulusan pelan atas bahan linen atau bahan lain yang tahan lasak dan tahan lama, bersama dengan satu (1) salinan lain yang telah dilanjutkan tempoh sah kelulusan akan disimpan oleh Pengarah JKME.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/6

3.2.8 **CARTA ALIR PERMOHONAN KELULUSAN PELAN LAMPU JALAN DAN TEROWONG (KAUNTER OSC)**



 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/7

3.3 PERMOHONAN PELAN LAMPU JALAN SEMENTARA

3.3.1 Permohonan kelulusan pelan lampu jalan sementara iaitu melibatkan rombakan **KELULUSAN** dan/ataupengalihan lampu jalan sedia ada sebelum lampu jalan kekal dipasang hendaklah dikemukakan bersama-sama atau selepas pelan-pelan lampu jalan/terowong telah diluluskan.

3.3.2 Permohonan hendaklah dikemukakan lengkap dengan dokumen mengikut keperluan berikut:-

- 3.3.2.1 Surat Permohonan JPE ;
- 3.3.2.2 Borang JKME/SS/2 ;
- 3.3.2.3 Borang JKME/UEPS/1 ;
- 3.3.2.4 Borang JKME/UEPS/2 ;
- 3.3.2.5 Borang JKME/UEPS/3 ;
- 3.3.2.6 Salinan Surat Perintah Pembangunan (D.O) dan lampiran beserta pindaan;
- 3.3.2.7 Salinan Kelulusan Pelan Kunci & Tapak Perintah Pembangunan bersaiz A1 terkini;
- 3.3.2.8 Salinan Surat Kelulusan Jalan & Perparitan (R&D) dan lampiran beserta pindaan;
- 3.3.2.9 Salinan Pelan Tapak & Keratan Rentas Jalan & Perparitan (R&D) bersaiz A1 terkini;
- 3.3.2.10 Nombor rujukan pelan-pelan yang telah diluluskan;
- 3.3.2.11 Pelan Lampu Jalan sementara dengan maklumat-maklumat berikut (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.7, SPLJDLA) :-
 - (a) susunatur kedudukan jalan raya, bahu jalan, kawasan hijau, pokok-pokok dan laluan pejalan kaki;
 - (b) Susunatur kedudukan lampu jalan sementara;
 - (c) Pelan/ lukisan/ katalog tiang lampu atau struktur tiang lampu dan lantera;
 - (d) Punca bekalan elektrik ke lampu jalan sementara ;

3.3.3 JPE kemukakan permohonan lengkap kepada JKME, DBKL.


3.3.4 Semakan BORANG JKME/SS/2:

- 3.3.4.1 Jika dokumen, lukisan dan pelan-pelan **TIDAK LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(X)** dalam Borang JKME/SS/2, maka Surat pernyataan, satu (1) salinan Borang JKME/SS/2 dan kesemua dokumen & pelan akan diserahkan kembali kepada JPE untuk tindakan pembetulan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.
- 3.3.4.2 Jika dokumen, lukisan dan pelan-pelan **LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(/)** dan/atau **(TB)** dalam Borang JKME/SS/2, maka Surat pernyataan dan satu (1) salinan Borang JKME/SS/2 akan diserahkan kepada JPE. Permohonan mula diproses.


3.3.5 Permohonan akan diproses dalam tempoh **15 hari** daripada tarikh penerimaan dokumen dan pelan/ lukisan yang lengkap.


3.3.6 Proses permohonan:-

- 3.3.6.1 Jika pelan **TIDAK DILULUSKAN**, maka surat pernyataan menerangkan sebab-sebab ianya tidak diluluskan dan satu (1) salinan pelan akan dikeluarkan kepada JPE untuk tindakan pembetulan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.
- 3.3.6.2 Jika pelan **DILULUSKAN**, maka Surat kelulusan dan satu (1) salinan lukisan/ pelan akan dikeluarkan kepada JPE, manakala Dua (2) salinan pelan akan disimpan oleh Pengarah JKME.

 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1
		Tarikh: Jun 2023
		Muka Surat: GP3/8

3.3.7 CARTA ALIR PERMOHONAN KELULUSAN PELAN LAMPU JALAN SEMENTARA



 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/9

3.4 **PERMOHONAN KELULUSAN PELAN LAMPU JEJANTAS/ SIAR KAKI BERBUMBUNG/ HENTIAN TEKSI/ HENTIAN BAS**

3.4.1 Permohonan kelulusan pelan lampu jejantas/ siar kaki berbumbung/ hentian teksi/ hentian bas baharu, Pindaan pelan yang telah diluluskan dan Lanjutan tempoh sah kelulusan hendaklah dikemukakan lengkap dengan dokumen mengikut keperluan berikut:-

- 3.4.1.1 Surat Permohonan JPE;
- 3.4.1.2 Borang JKME/SS/3 ;
- 3.4.1.3 Borang JKME/UEPS/1 ;
- 3.4.1.4 Borang JKME/UEPS/2 ;
- 3.4.1.5 Borang JKME/UEPS/3 ;
- 3.4.1.6 Salinan Surat Perintah Pembangunan (D.O) dan lampiran beserta pindaan;
- 3.4.1.7 Salinan Kelulusan Pelan Kunci & Tapak Perintah Pembangunan bersaiz A1 terkini;
- 3.4.1.8 Salinan Surat Kelulusan Jalan & Perparitan (R&D) dan lampiran beserta pindaan;
- 3.4.1.9 Salinan Pelan Tapak & Keratan Rentas Jalan & Perparitan (R&D) bersaiz A1 terkini;
- 3.4.1.10 Salinan Pelan kelulusan struktur jejantas/ siar kaki berbumbung/ hentian teksi/ hentian bas terkini;
- 3.4.1.11 Sila kemukakan pelan-pelan perincian Lampu jejantas/ siar kaki berbumbung/ hentian teksi/ hentian bas mengikut jenis permohonan:-

(a) Bagi **Permohonan Kelulusan Pelan Lampu jejantas/ siar kaki berbumbung/ hentian teksi/ hentian bas baru dan Permohonan Pindaan Pelan Yang Telah Diluluskan**, sila kemukakan pelan-pelan perincian berikut:

- (i) Pelan Kunci, lokasi dan tapak susunatur lampu serta laluan kabel (rujuk Seksyen 9, Para 9.7.1, SPLJDLA) ;
- (ii) Pelan Peti Agihan Bekalan (feeder pillar) dan/atau Papan agihan bekalan (DB), Rajah skematik dan litar kawalan (rujuk Seksyen 9, Para 9.7.2, SPLJDLA) ;
- (iii) Pelan Keratan rentas menunjukkan kedudukan lampu serta peti agihan bekalan dan/atau papan agihan bekalan di tapak (rujuk Seksyen 9, Para 9.7.3, SPLJDLA) ;

(b) Bagi **Permohonan Lanjutan Tempoh Sah Kelulusan**, sila kemukakan:


- (i) Satu (1) salinan pelan-pelan lampu jejantas/ siar kaki berbumbung/ hentian teksi/ hentian bas asal yang telah tamat tempoh sah kelulusan.

3.4.2 JPE kemukakan permohonan ke JKME, DBKL.

3.4.3 Semakan BORANG JKME/SS/3:

3.4.3.1 Jika dokumen, lukisan dan pelan-pelan **TIDAK LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(X)** dalam Borang JKME/SS/3, maka Surat pernyataan, satu (1) salinan Borang JKME/SS/3 dan kesemua dokumen & pelan akan diserahkan kembali kepada JPE untuk tindakan pembetulan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.

3.4.3.2 Jika dokumen, lukisan dan pelan-pelan **LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(/)** dan/atau **(TB)** dalam Borang JKME/SS/3, maka Surat pernyataan dan satu (1) salinan Borang JKME/SS/3 akan diserahkan kepada JPE. Permohonan mula diproses.

	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
BAHAGIAN 3	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/10

3.4.4 Permohonan akan diproses dalam tempoh **30 hari** daripada tarikh penerimaan dokumen dan pelan/ lukisan yang lengkap.

3.4.5 Proses permohonan.

3.4.6 Jika pelan **TIDAK DILULUSKAN**, surat pernyataan menerangkan sebab-sebab ianya tidak diluluskan dan satu (1) salinan akan dikeluarkan kepada JPE untuk tindakan pembetulan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.

3.4.7 Jika pelan atau permohonan **DILULUSKAN**:


3.4.7.1 Bagi permohonan baharu atau pindaan pelan yang telah diluluskan:-

- (a) Surat kelulusan dan satu (1) salinan kelulusan pelan atas kertas lukisan standard akan dikeluarkan kepada JPE.
- (b) satu (1) salinan kelulusan pelan atas bahan linen atau bahan lain yang tahan lasak dan tahan lama, bersama dengan satu (1) salinan lain akan disimpan oleh Pengarah JKME.


3.4.7.2 Bagi permohonan lanjutan tempoh sah kelulusan pelan:


- (a) Surat kelulusan dan satu (1) salinan pelan asal yang telah dilanjutkan tempoh sah kelulusan akan dikeluarkan kepada JPE;
- (b) Satu (1) salinan kelulusan pelan atas bahan linen atau bahan lain yang tahan lasak dan tahan lama, bersama dengan satu (1) salinan lain yang telah dilanjutkan tempoh sah kelulusan akan disimpan oleh Pengarah JKME.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/11

3.4.8 CARTA ALIR PERMOHONAN KELULUSAN PELAN LAMPU JEJANTAS/ SIAR KAKI BERBUMBUNG/ HENTIAN TEKSI/ HENTIAN BAS




 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/12

3.5 PERMOHONAN PENGECUALIAN PEMASANGAN LAMPU JALAN

3.5.1 Permohonan pengecualian pemasangan lampu jalan hendaklah dikemukakan lengkap dengan dokumen mengikut keperluan berikut:-

- 3.5.1.1 Surat Permohonan JPE;
- 3.5.1.2 Borang JKME/SS/8 ;
- 3.5.1.3 Borang JKME/UEPS/1 ;
- 3.5.1.4 Borang JKME/UEPS/2 ;
- 3.5.1.5 Borang JKME/UEPS/3 ;
- 3.5.1.6 Borang JKME/UEPS/5 ;
- 3.5.1.7 Salinan Surat Perintah Pembangunan (D.O) dan lampiran beserta pindaan;
- 3.5.1.8 Salinan Kelulusan Pelan Kunci & Tapak Perintah Pembangunan bersaiz A1 terkini;
- 3.5.1.9 Salinan Surat Kelulusan Jalan & Perparitan (R&D) dan lampiran beserta pindaan;
- 3.5.1.10 Salinan Pelan Tapak & Keratan Rentas Jalan & Perparitan bersaiz A1 terkini;
- 3.5.1.11 Pelan-pelan perincian Lampu Jalan sedia ada di tapak iaitu pelan:
 - (a) Kunci, lokasi dan tapak susunatur tiang lampu jalan sedia ada di tapak (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.1, SPLJDLA);
 - (b) Tiang lampu jalan hendaklah ditanda lengkap dengan nombor tiang ;
 - (c) Jarak antara tiang ke tiang;
 - (d) Jadual petunjuk (legend) khas tiang lampu jalan yang terlibat hendaklah mengandungi enam (6) petak/ ruang iaitu petak symbol, nombor tiang, ketinggian *service door* dari aras tanah/ *flange plate*, keadaan fizikal tiang sama ada tegak atau senget/ condong, kabel lampu jalan sama ada kabel bawah tanah atau kabel sementara talian atas dan jenis lantera samada HPSV atau LED (rujuk Bahagian 2, Para 2.4.2, GPPLJDLA).
 - (e) Tapak susunatur lampu jalan/ kawasan di dalam pembangunan milik pemaju/ pemunya (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.6, SPLJDLA).
- 3.5.1.12 Gambar warna pandangan siang hari tiang lampu jalan, lantera dan peti agihan bekalan sedia ada;
- 3.5.1.13 Gambar warna pandangan siang hari persekitaran jalan yang berbidang dengan tapak pembangunan;
- 3.5.1.14 Gambar warna pandangan dan pencahayaan waktu malam di jalan yang berbidang dengan tapak pembangunan;
- 3.5.1.15 Laporan tahap pencahayaan oleh JPE, jika diperlukan (rujuk Seksyen 2, Para 2.13 SPLJDLA) ;
- 3.5.1.16 Mematuhi syarat-syarat pengecualian pemasangan lampu jalan (rujuk Bahagian 1, Para 1.10 GPPLJDLA ini).

 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/13

3.5 **PERMOHONAN PENGECUALIAN PEMASANGAN LAMPU JALAN (Samb.)**

3.5.2 JPE kemukakan permohonan ke JKME, DBKL.

3.5.3 Semakan BORANG JKME/SS/8:

3.5.3.1 Jika dokumen, lukisan dan pelan-pelan **TIDAK LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(X)** dalam Borang JKME/SS/8, maka Surat pernyataan, satu (1) salinan Borang JKME/SS/8 dan kesemua dokumen & pelan akan diserahkan kembali kepada JPE untuk tindakan pembetulan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.

3.5.3.2 Jika dokumen, lukisan dan pelan-pelan **LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(/)** dan/atau **(TB)** dalam Borang JKME/SS/8, maka Surat pernyataan dan satu (1) salinan Borang JKME/SS/8 akan diserahkan kepada JPE. Permohonan mula diproses.

3.5.4 Permohonan akan diproses dalam tempoh **30 hari** daripada tarikh penerimaan dokumen dan pelan/ lukisan yang lengkap.

3.5.5 Proses permohonan.

3.5.6 Jika permohonan **TIDAK DILULUSKAN**, surat pernyataan menerangkan sebab-sebab ianya tidak diluluskan dan satu (1) salinan pelan akan dikeluarkan kepada JPE untuk tindakan pembetulan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.

3.5.7 Jika permohonan **DILULUSKAN** :


3.5.7.1 Surat tiada halangan bersyarat bayaran caj sumbangan pemasangan lampu jalan beserta kadar bayaran akan dikeluarkan kepada JPE;

3.5.7.2 JPE/ pemaju/ pemunya kemukakan surat persetujuan dan cek jurubank kepada JKME, DBKL dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat tiada halangan bersyarat dikeluarkan;


3.5.7.3 JKME akan kemukakan inouis dan cek pembayaran kepada Jabatan Kewangan DBKL.


3.5.7.4 Surat kelulusan, satu (1) salinan pelan, salinan inouis dan resit bayaran akan dikeluarkan kepada JPE selepas perkara 3.4.7.3 di atas disempurnakan.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	BAHAGIAN 3 GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/14

3.5.8 CARTA ALIR permohonan pengecualian pemasangan lampu jalan



 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1
		Tarikh: Jun 2023
		Muka Surat: GP3/15

3.6 PERMOHONAN KELULUSAN BAHAN, PINDAAN ATAU LANJUTAN TEMPOH SAH KELULUSAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM

3.6.1 Permohonan kelulusan bahan, pindaan atau lanjutan tempoh sah kelulusan bahan lampu jalan/ terowong/ lampu jejantas/ siar kaki berbumbung/ hentian teksi/ hentian bas hendaklah dikemukakan lengkap dengan dokumen mengikut keperluan berikut:-

3.6.1.1 Surat Permohonan JPE;

3.6.1.2 Borang JKME/SS/4 ;

3.6.1.3 Borang JKME/SS/4A dan/atau Borang JKME/SS/4B ;

3.6.1.4 Katalog produk lampu jalan dan lampu awam;

3.6.1.5 Lesen Pensijilan Barangan SIRIM;

3.6.1.6 Laporan Ujian (Test Report) SIRIM atau disahkan oleh SIRIM ;

3.6.1.7 Laporan Ujian Prestasi (Performance Test Report) SIRIM atau disahkan SIRIM;

3.6.1.8 Surat kelulusan / Sijil daripada Suruhanjaya Tenaga (ST), jika berkenaan;

3.6.1.9 Laporan Simulasi berkomputer pengiraan tahap pencahayaan (rujuk Seksyen 2, Para 2.12 SPLJDLA) ;

3.6.1.10 Katalog/ Data teknikal Pemacu (driver) LED

3.6.2 JPE kemukakan permohonan ke JKME, DBKL.

3.6.3 Semakan BORANG JKME/SS/4:

3.6.3.1 Jika dokumen, katalog/ data bahan, lukisan dan pelan-pelan **TIDAK LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(X)** dalam Borang JKME/SS/4, maka Surat pernyataan, satu (1) salinan Borang JKME/SS/4 dan kesemua dokumen, katalog/ data bahan & pelan akan diserahkan kembali kepada JPE untuk tindakan pembetulan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.

3.6.3.2 Jika dokumen, katalog/ data bahan, lukisan dan pelan-pelan **LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(/)** dan/atau **(TB)** dalam Borang JKME/SS/4, maka Surat pernyataan dan satu (1) salinan Borang JKME/SS/4 akan diserahkan kepada JPE. Permohonan mula diproses.


3.6.4 Permohonan akan diproses dalam tempoh **15 hari** daripada tarikh penerimaan dokumen yang lengkap dan sampel serta penyediaan *mock-up* (sekiranya diperlukan).

3.6.5 Proses permohonan.


3.6.6 JPE hendaklah mengemukakan sampel dan menyediakan *mock-up* sekiranya diminta oleh pihak Pengarah JKME untuk penilaian bahan seterusnya dalam tempoh 7 hari (rujuk Seksyen 1, Para 1.7, 1.8 & 1.9 SPLJDLA)


3.6.7 Jika permohonan **TIDAK DILULUSKAN**, surat pernyataan menerangkan sebab-sebab ianya tidak diluluskan akan dikeluarkan kepada JPE untuk tindakan pembetulan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.

3.6.8 Jika permohonan **DILULUSKAN**, surat kelulusan akan dikeluarkan kepada JPE.

 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/16
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	

3.6.9 CARTA ALIR permohonan kelulusan bahan, pindaan atau lanjutan tempoh sah kelulusan bahan




 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/17

3.7 **PERMOHONAN SOKONGAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC) ATAU SIJIL SIAP KERJA LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM**


3.7.1 **SISTEM LAMPU JALAN/ TEROWONG/ LAMPU JEJANTAS/ SIAR KAKI BERBUMBUNG/ HENTIAN TEKSI/ HENTIAN BAS**

Permohonan sokongan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) atau Sijil Siap Kerja lampu jalan /terowong/ lampu jejantas/ siar kaki berbumbung/ hentian teksi/ hentian bas ini hendaklah dikemukakan lengkap dengan dokumen mengikut keperluan berikut:-

- 3.7.1.1 Surat Permohonan JPE;
- 3.7.1.2 Borang JKME/SS/5;
- 3.7.1.3 Borang JKME/UEPS/4;
- 3.7.1.4 Borang JKME/UEPS/5;
- 3.7.1.5 Salinan surat Sokongan CCC atau Sijil Siap Kerja jalan raya oleh jabatan DBKL;
- 3.7.1.6 **MANUAL berjilid**, berkulit tebal, 3 salinan yang mengandungi maklumat berikut (rujuk Seksyen 10, Para 10.8, SPLJDLA):-
 - (a) **Muka depan.**
 - (b) **Bahagian 1:** Manual pemasangan dan penyelenggaraan:-
 - (i) Manual Pemasangan ;
 - (ii) Manual Operasi dan Penyelenggaraan;
 - (c) **Bahagian 2:** Katalog dan data produk lantera lampu jalan, lampu limpah, lampu dekoratif, Pemacu LED, tiang lampu jalan, tiang lampu jalan dekoratif, dan lain-lain.
 - (d) **Bahagian 3:** Kelulusan SIRIM bagi lantera lampu jalan, lampu limpah, lampu dekoratif, tiang lampu jalan, tiang lampu jalan dekoratif, dan lain-lain:-
 - (i) Lesen Pensijilan Barangan SIRIM ;
 - (ii) Laporan Ujian (Test Report) SIRIM atau disahkan oleh SIRIM;
 - (iii) Laporan Ujian Prestasi (Performance Test Report) SIRIM atau disahkan SIRIM;
 - (e) **Bahagian 4:** Sijil Galvani Rendam Panas :-
 - (i) Sijil Galvani Rendam Panas tiang lampu jalan GI;
 - (ii) Sijil Galvani Rendam Panas tiang lampu jalan dekoratif;
 - (f) **Bahagian 5:** Kelulusan Bahan :-
 - (i) Salinan surat kelulusan ;
 - (ii) Laporan Simulasi berkomputer pengiraan tahap pencahayaan (Seksyen 2, Para 2.12 SPLJDLA);

 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/18

- (g) **Bahagian 6:** Laporan Pengujian pemasangan lampu jalan dan lampu awam:-
 Laporan pengujian pemasangan lampu jalan dan lampu awam (rujuk Seksyen 10, Para 10.5 SPLJDLA):
- (i) Format muka depan (rujuk Seksyen 13, Para 13.3, SPLJDLA);
 - (ii) Perakuan Penyeliaan dan Penyiapan, iaitu :
 - (1) Perakuan Penyeliaan & Penyiapan (Borang G, Peraturan 14, ABE 1990);
 - (2) Perakuan Pendaftaran Kontraktor Elektrik ST (Borang Q, Peraturan 75, ABE 1990);
 - (3) Perakuan Kekompetenan Sebagai Pendawai (Borang N, Peraturan 55, ABE 1990).
 - (iii) Perakuan Ujian (rujuk Seksyen 10, Para 10.3, SPLJDLA), iaitu :
 - (1) Perakuan Ujian (Borang H, Peraturan 14, ABE 1990);
 - (2) Surat Akuan Ujian pemasangan pendawaian TNB 212;
 - (3) Borang jenis perincian bebanan;
 - (4) Borang keputusan ujian TNB 212A;
 - (5) Perakuan Pendaftaran Sebagai Pengilang Papan Suis (Borang U, Peraturan 92, ABE 1990) daripada pengilang peti agihan bekalan; dan
 - (6) Sijil ujian suisbod daripada pengilang papan suis yang berdaftar;
 - (iv) Laporan dan Sijil Pengujian termasuk salinan semua keputusan ujian hendaklah disahkan oleh Jurutera Elektrik dan kontraktor elektrik.
- (h) **Bahagian 7:** Laporan pengukuran tahap pencahayaan (rujuk Seksyen 10, Para 10.6 SPLJDLA):
- (i) Format muka depan (rujuk Seksyen 13, Para 13.2 SPLJDLA);
 - ii) Laporan pengujian dan pengukuran tahap pencahayaan (rujuk Seksyen 2, Para 2.13 SPLJDLA);
 - iii) Laporan dan Perakuan pengukuran tahap pencahayaan hendaklah disahkan oleh Jurutera Elektrik, kontraktor elektrik dan pengeluar/ wakil pengeluar lantera.
- (j) **Bahagian 8:** Maklumat Bekalan Elektrik TNB :-
- (i) Dokumen Permohonan Bekalan Elektrik TNB (rujuk Seksyen 8, Para 8.1 SPLJDLA);
 - (ii) Salinan bil elektrik TNB terkini.
 - (iii) Resit bayaran bil elektrik.
- (k) **Bahagian 9:** Gambar
- (i) Gambar berwarna pandangan siang pemasangan lampu jalan dan lampu awam;
 - (ii) Gambar berwarna pandangan malam pencahayaan;

 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1
		Tarikh: Jun 2023
		Muka Surat: GP3/19


(I) **Bahagian 10:** Borang Deklarasi/ Waranti/ Sijil Jaminan (rujuk Seksyen 12, SPLJDLA) :-

- (i) Borang Deklarasi Waranti Lantera Lampu Jalan LED (BORANG JKME/WARANTI/1A atau 1B)
- (ii) Borang Deklarasi Penyelenggaraan Lampu Jalan dan Lampu Awam (BORANG JKME/WARANTI/2A atau 2B);
- (iii) Borang Deklarasi Waranti Tiang Lampu Jalan Bergalvani Rendam Panas (BORANG JKME/WARANTI/3A atau 3B);
- (iv) Borang Deklarasi Waranti Tiang Lampu Jalan Dekoratif Bergalvani Rendam Panas (BORANG JKME/WARANTI/4A atau 4B);
- (v) Borang Deklarasi Penyambungan Bekalan Elektrik Ke Peti Agihan Bekalan Disambung Terus Dari Bekalan Elektrik Sah TNB (BORANG JKME/WARANTI/5A atau 5B);

Nota: BORANG JKME/WARANTI 1A hingga 5A diisi oleh Pemaju/ pemunya projek pembangunan swasta manakala BORANG JKME/WARANTI 1B hingga 5B diisi oleh Kontraktor projek DBKL.

3.7.1.7 **PELAN TERBINA (AS-BUILD PLAN) berjilid**, berkulit kertas tebal, 3 salinan (rujuk Seksyen 10, Para 10.9, SPLJDLA):-

- (a) Satu (1) salinan berjilid salinan pelan-pelan lampu jalan/ terowong dan/atau pelan lampu jejantas/ siar kaki berbumbung/ hentian teksi/ hentian bas atas kertas lukisan **bahan linen atau bahan lain yang tahan lasak dan tahan lama**;
- (b) Dua (2) salinan berjilid pelan-pelan atas kertas lukisan standard;
- (c) Tiga (3) unit pelan digital dalam format PDF dan autocad yang disertakan/ dilekat pada setiap jilid.
- (d) Salinan lukisan terbina lampu jalan/ terowong hendaklah mengandungi perincian lukisan berikut: -
 - (i) Kunci, lokasi, tapak susunatur tiang lampu jalan serta laluan kabel bawah tanah (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.1) ;
 - (ii) Tiang lampu & tapak konkrit bertetulang (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.2 SPLJDLA);
 - (iii) Peti Agihan Bekalan [feeder pillar] (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.3 SPLJDLA);
 - (iv) Rajah skematik dan litar kawalan (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.4 SPLJDLA);
 - (v) Keratan rentas kedudukan tiang lampu dan peti agihan bekalan di tapak (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.5 SPLJDLA); dan
 - (vi) Tapak susunatur lampu jalan/ kawasan dalam kawasan pembangunan milik pemaju (rujuk Seksyen 9, Para 9.6.6 SPLJDLA).

 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/20

3.7 **PERMOHONAN SOKONGAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC) ATAU SIJIL SIAP KERJA LAMPU JALAN/ TEROWONG/ LAMPU JEJANTAS/ SIAR KAKI BERBUMBUNG/ HENTIAN TEKSI/ HENTIAN BAS (Samb.)**

3.7.1.7

- (e) Salinan lukisan terbina lampu Jejantas/ Siar Kaki Berbumbung/ Hentian Teksi/ Hentian Bas hendaklah mengandungi lukisan berikut: -
- Kunci, lokasi dan tapak susunatur lampu serta laluan kabel (rujuk Seksyen 9, Para 9.7.1 SPLJDLA);
 - Papan agihan bekalan, rajah skematik dan litar kawalan (rujuk Seksyen 9, Para 9.7.2 SPLJDLA).
 - Keratan rentas lampu dan Papan agihan bekalan di tapak (rujuk Seksyen 9, Para 9.7.3 SPLJDLA);

3.7.1.8 Tiga (3) set PERKAKASAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM hendaklah diserahkan:

- Kunci peti agihan bekalan (Feeder Pillar);
- Kunci papan agihan bekalan (Distribution Board);
- Kunci pintu perkhidmatan (service door) tiang lampu; dan
- Lain-lain kunci yang berkenaan.

3.7.1.9 Satu (1) salinan lukisan skematik saiz A4 hendaklah dilaminasi dan diletakkan di dalam poket Peti agihan bekalan (rujuk Seksyen 10, Para 10.7, SPLJDLA)

3.7.1.10 JPE kemukakan permohonan lengkap kepada JKME, DBKL.


3.7.1.11 Semakan BORANG JKME/SS/5 :-

- Jika dokumen **TIDAK LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda (X) dalam Borang JKME/SS/5, maka Surat pernyataan, keluarkan surat dan satu (1) salinan Borang JKME/SS/5 serta kesemua dokumen akan diserahkan kembali kepada JPE untuk tindakan pembetulan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.
- Jika dokumen **LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda (/) dan/atau (TB) dalam Borang JKME/SS/5, maka Surat pernyataan dan satu (1) salinan Borang JKME/SS/5 akan diserahkan kepada JPE. Permohonan mula diproses.

3.7.1.12 Permohonan akan diproses dalam tempoh **15 hari** daripada tarikh penerimaan dokumen dan peralatan yang lengkap.

3.7.1.13 Proses permohonan:-


- Jika dokumen, Manual, pelan terbina dan peralatan **TIDAK MEMATUHI** SPLJDLA, GPPLJDLA dan kelulusan pelan, maka surat pernyataan menerangkan sebab-sebab ianya tidak mematuhi akan dikeluarkan kepada JPE beserta dengan semua dokumen untuk tindakan pembetulan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.
- Jika dokumen, Manual, pelan terbina dan peralatan **MEMATUHI** SPLJDLA, GPPLJDLA dan kelulusan pelan, maka notis lawatan tapak akan dikeluarkan kepada JPE bagi pemeriksaan pemasangan lampu jalan dan lampu awam.

	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
BAHAGIAN 3	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/21


3.7.1.14 Proses pemeriksaan pemasangan lampu jalan dan lampu awam di tapak:-


- (a) Jika pemeriksaan pemasangan lampu jalan dan lampu awam **TIDAK MEMATUHI** SPLJDLA, GPPLJDLA, kelulusan pelan dan bahan maka
- (i) surat ketidakpatuhan dan menahan kelulusan Sijil Siap dan Pematuhan (CCC)/ Sijil Siap Kerja akan dikeluarkan kepada JPE, Arkitek projek dan Pemaju/ Pemunya sehinggalah ketidakpatuhan tersebut diperbetulkan.
 - (ii) JPE, Arkitek projek dan Pemaju/ Pemunya hendaklah memperbetulkan ketidakpatuhan tersebut dan memaklumkan semula kepada JKME, DBKL selepas tindakan pembetulan diambil untuk pemeriksaan semula.
- (b) Sekiranya pemeriksaan pemasangan lampu jalan dan lampu awam **MEMATUHI** SPLJDLA, GPPLJDLA, kelulusan pelan dan bahan, maka Surat sokongan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)/ Sijil Siap Kerja Lampu Jalan dan Lampu Awam akan dikeluarkan kepada JPE, Arkitek Projek dan Pemaju/ Pemunya.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/22

3.7.1.15 **CARTA ALIR Permohonan Sokongan Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC)/ Sijil Siap Kerja Sistem Lampu Jalan/Terowong/Lampu Jejantas/Siar Kaki Berbumbung/Hentian Teksi/ Hentian Bas .**




 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/23


3.7.2 **PENGECUALIAN PEMASANGAN LAMPU JALAN**


Permohonan sokongan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) atau Sijil Siap Kerja lampu jalan dan lampu awam bagi Pemaju/ pemunya/ kontraktor yang telah diluluskan pengecualian pemasangan lampu jalan hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan dokumen berikut:-

- 3.7.2.1 Surat Permohonan JPE;
- 3.7.2.2 Borang JKME/SS/5;
- 3.7.2.3 Borang JKME/UEPS/5;
- 3.7.2.4 Salinan surat kelulusan pengecualian pemasangan lampu jalan; dan
- 3.7.2.5 Resit bayaran kos sumbangan lampu jalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Bendahari, DBKL.
- 3.7.2.6 JPE kemukakan permohonan ke JKME, DBKL.
- 3.7.2.7 Semakan BORANG JKME/SS/5 :-
 - (a) Jika dokumen **TIDAK LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(X)** dalam Borang JKME/SS/5, maka Surat pernyataan, satu (1) salinan Borang JKME/SS/5 dan kesemua dokumen akan diserahkan kembali kepada JPE untuk tindakan pembetulan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.
 - (b) Jika dokumen **LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(/)** dan/atau **(TB)** dalam Borang JKME/SS/5, maka Surat pernyataan dan satu (1) salinan Borang JKME/SS/5 akan diserahkan kepada JPE. Permohonan mula diproses.
- 3.7.2.8 Permohonan akan diproses dalam tempoh **15 hari** daripada tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.
- 3.7.2.9 Proses permohonan:-
 - (a) Jika permohonan **TIDAK DILULUSKAN**, surat pernyataan menerangkan sebab-sebab ianya tidak diluluskan akan dikeluarkan kepada JPE untuk tindakan pembetulan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.
 - (b) Jika permohonan **DILULUSKAN**, surat kelulusan akan dikeluarkan kepada JPE.

	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
BAHAGIAN 3	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/24


3.7.2.10 CARTA ALIR permohonan sokongan perakuan siap dan pematuhan (CCC) atau sijil siap kerja bagi kelulusan pengecualian pemasangan Sistem lampu jalan.



 BAHAGIAN 3	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/25

3.8 PERMOHONAN PERTUKARAN NAMA PENGGUNA AKAUN BIL ELEKTRIK TNB BAGI PETI/ PAPAN AGIHAN BEKALAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM DARIPADA PEMAJU/ PEMUNYA KEPADA DATUK BANDAR.

- 3.8.1 Semua permohonan pertukaran nama pengguna (Change of Tenancy, COT) akaun bil elektrik TNB bagi peti/ papan agihan bekalan lampu jalan dan lampu awam daripada pemaju/ pemunya kepada Datuk Bandar hendaklah dikemukakan lengkap dengan dokumen mengikut keperluan berikut (rujuk Seksyen 8, Para 8.3 SPLJDLA):-
- 3.8.1.1 Surat permohonan JPE/ Pemaju/ Pemunya Pembangunan;
 - 3.8.1.2 Borang JKME/SS/6;
 - 3.8.1.3 Salinan Borang JKME/WARRANTI 5A atau 5B;
 - 3.8.1.4 Surat sokongan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)/ Sijil Siap Kerja Lampu Jalan dan Lampu Awam yang dikeluarkan oleh JKME, DBKL.
 - 3.8.1.5 Salinan Sijil Siap & Pematuhan (CCC) atau Sijil Siap Kerja;
 - 3.8.1.6 Salinan Kontrak Bekalan Elektrik yang telah ditandatangani oleh pihak TNB ;
 - 3.8.1.7 Dokumen pengesahan bekalan elektrik ke peti agihan bekalan adalah bekalan elektrik sah TNB;
 - 3.8.1.8 Bil Elektrik TNB terkini;
 - 3.8.1.9 Resit bayaran bil elektrik terkini;
 - 3.8.1.10 Borang permohonan penukaran pengguna elektrik TNB (COT); dan
 - 3.8.1.11 Stem hasil mengikut kadar terkini.
- 3.8.2 JPE/ Pemaju/ Pemunya Pembangunan kemukakan permohonan ke JKME, DBKL.
- 3.8.3 Semakan BORANG JKME/SS/6 :-
- 3.8.3.1 Jika dokumen **TIDAK LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(X)** dalam Borang JKME/SS/6, maka Surat pernyataan, satu (1) salinan Borang JKME/SS/6 dan kesemua dokumen akan diserahkan kembali kepada JPE/ Pemaju/ Pemunya untuk tindakan pembetulan dan kemukakan semula permohonan baharu yang lengkap.
 - 3.8.3.2 Jika dokumen **LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda **(/)** dan/atau **(TB)** dalam Borang JKME/SS/6, maka Surat pernyataan dan satu (1) salinan Borang JKME/SS/6 akan diserahkan kepada JPE/ Pemaju/ Pemunya. Permohonan mula diproses.
- 3.8.4 Permohonan akan diproses dalam tempoh **15 hari** daripada tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.
- 3.8.5 Proses permohonan:-
- 3.8.5.1 Notis lawatan tapak akan dikeluarkan kepada JPE/ Pemaju/ Pemunya bagi pemeriksaan peti/ papan agihan bekalan elektrik, punca bekalan elektrik dan perkara berkaitan.

	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
BAHAGIAN 3	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/26

3.8.6 Proses pemeriksaan peti agihan bekalan di tapak:-

3.8.6.1 Jika permohonan **TIDAK MEMATUHI** SPLJDLA dan GPPLJDLA, maka surat pernyataan menerangkan sebab-sebab ianya tidak diluluskan akan dikeluarkan kepada pemohon untuk tindakan pembetulan.

3.8.6.2 Jika permohonan **MEMATUHI** SPLJDLA dan GPPLJDLA, maka keluarkan surat arahan kepada JPE/ pemaju/ pemunya :

(a) **Dokumen permohonan penukaran nama pengguna akaun bil elektrik daripada Pengarah JKME, DBKL kepada TNB** berikut hendaklah diambil oleh pemohon daripada pejabat Pengarah JKME dan dikemukakan kepada pihak TNB:

- (i) Borang permohonan penukaran nama pengguna akaun elektrik TNB (COT) yang telah dilengkapkan dan ditandatangani oleh Pengarah JKME/ wakil;
- (ii) Surat permohonan penukaran nama pengguna akaun elektrik TNB daripada Pengarah JKME kepada pihak TNB;


(b) **Dokumen pengesahan penerimaan permohonan penukaran nama pengguna akaun bil elektrik oleh pihak TNB** berikut hendaklah dikemukakan oleh pemohon kepada Pengarah, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal sebagai bukti proses permohonan telah diterima oleh pihak TNB:

- (i) Salinan pendua surat permohonan penukaran nama pengguna akaun elektrik TNB daripada Pengarah JKME kepada pihak TNB yang telah dicop terima oleh pejabat TNB;
- (ii) Salinan invois TNB berjumlah RM 3.00 atau mengikut kadar ditetapkan: caj pemprosesan permintaan untuk bayaran permohonan bekalan elektrik;
- (iii) Salinan Resit bayaran berjumlah RM 3.00 atau mengikut kadar ditetapkan.


3.8.6.3 Surat **KELULUSAN DAN PENGESAHAN** pertukaran nama pengguna bil elektrik akan dikeluarkan kepada JPE/ Pemaju/ Pemunya setelah perkara di Para 3.7.6.2 (a) dan (b) di atas diselesaikan.


3.8.7 Sekiranya penama bil elektrik gagal melaksanakan permohonan dan proses pertukaran nama pengguna, maka penama pada bil elektrik adalah bertanggung jawab ke atas akaun bil elektrik tersebut dan hendaklah membayar bil elektrik dan tunggakan bil elektrik (jika ada) sehinggalah pertukaran dan pindah milik nama pengguna diselesaikan.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
BAHAGIAN 3	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/27

3.8.8 CARTA ALIR permohonan pertukaran nama pengguna akaun bil elektrik



	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
BAHAGIAN 3	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/28

3.9 **PERMOHONAN PENYERAHAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM DARIPADA PEMAJU KEPADA DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

3.9.1 Semua permohonan penyerahan lampu jalan dan lampu awam kepada Datuk Bandar hendaklah dikemukakan lengkap dengan dokumen dan peralatan mengikut keperluan berikut (rujuk Seksyen 8, Para 8.4 SPLJDLA):-

- 3.9.1.1 Surat permohonan JPE/ pemaju/ pemunya;
- 3.9.1.2 Borang JKME/SS/7;
- 3.9.1.3 Salinan surat pengambilalihan jalan daripada Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar atau jabatan dalaman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;
- 3.9.1.4 Salinan Sijil Siap & Pematuhan (CCC)/ Sijil Siap Kerja ;
- 3.9.1.5 Surat kelulusan dan pengesahan pertukaran nama pengguna akaun bil elektrik TNB daripada pemaju/ pemunya kepada Datuk Bandar yang dikeluarkan oleh JKME, DBKL ;
- 3.9.1.6 Gambar berwarna pandangan siang; dan
- 3.9.1.7 Gambar berwarna pandangan malam.

3.9.2 JPE/ pemaju/ pemunya mengemukakan permohonan ke JKME, DBKL.

3.9.3 Semakan BORANG JKME/SS/7 :-

- 3.9.3.1 Jika dokumen **TIDAK LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda (**X**) dalam Borang JKME/SS/7, maka keluarkan Surat pernyataan menerangkan sebab-sebab ianya tidak lengkap dan satu (1) salinan Borang JKME/SS/7 dan kesemua dokumen akan diserahkan kembali kepada JPE/ Pemaju/ Pemunya untuk tindakan pembetulan.
- 3.9.3.2 Jika dokumen **LENGKAP** sepertimana semakan JKME bertanda (/) dan/atau (**TB**) dalam Borang JKME/SS/7, maka Surat pernyataan dan satu (1) salinan Borang JKME/SS/7 akan dikeluarkan kepada JPE/ Pemaju/ Pemunya. Permohonan mula diproses.

3.9.4 Permohonan akan diproses dalam tempoh **15 hari** daripada tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.


3.9.5 Proses permohonan:-

- 3.9.5.1 Notis lawatan tapak akan dikeluarkan kepada JPE/ pemaju/ pemunya bagi pemeriksaan lampu jalan dan lampu awam.


3.9.6 Proses pemeriksaan pemasangan lampu jalan dan lampu awam di tapak:-


- 3.9.6.1 Jika permohonan **TIDAK DILULUSKAN**, surat pernyataan menerangkan sebab-sebab ianya tidak diluluskan akan dikeluarkan kepada JPE/ pemaju/ pemunya/ pemohon.

3.9.6.2 Jika permohonan penyerahan sistem pemasangan lampu jalan dan lampu awam **DILULUSKAN** untuk diambil alih oleh pihak Datuk Bandar, surat kelulusan akan dikeluarkan kepada JPE/ Pemaju/ Pemunya.

	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
BAHAGIAN 3	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PROSES PERMOHONAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP3/29

3.9.7 CARTA ALIR PERMOHONAN PENYERAHAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM



	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
BAHAGIAN 4	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PETUNJUK (LEGEND) PELAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP4/1


4.0 PETUNJUK (LEGEND) PELAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM

4.1 Jadual petunjuk pelan lampu jalan/ terowong/ lampu awam/ lampu jalan di dalam kawasan pembangunan milik pemaju/ pemunya

Jadual petunjuk (legend) pelan lampu jalan/ terowong/ lampu awam/ lampu jalan di dalam kawasan pembangunan milik pemaju/ pemunya hendaklah mengandungi tiga (3) petak iaitu petak simbol, keterangan dan kuantiti tiang seperti berikut :-

Simbol	Keterangan	Kuantiti Tiang

Contoh:


Simbol	Keterangan	Kuantiti Tiang
	1 X Lantera LED baharu dengan keupayaan penghasilan pencahayaan <i>average maintained Road Surface Luminance</i> minima 2.0 cd/m ² pada tiang lampu jalan baharu berketinggian 9.0 m lengkap dengan 0.25 m <i>bracket arm</i>	2


4.2 Jadual petunjuk khas: permohonan pengecualian pemasangan lampu jalan

Jadual petunjuk (legend) khas tiang lampu jalan yang terlibat dengan permohonan pengecualian pemasangan lampu jalan dan lampu awam hendaklah mengandungi enam (6) petak/ ruang iaitu petak simbol, nombor tiang, ketinggian *service door* dari aras tanah/ *flange plate*, keadaan fizikal tiang sama ada tegak atau senget/ condong, kabel lampu jalan sama ada kabel bawah tanah atau kabel sementara talian atas dan jenis lantera samada HPSV atau LED seperti berikut :-

Simbol	No. Tiang	Ketinggian <i>service door</i> dari aras tanah/ <i>flange plate</i>	Fizikal Tiang	Kabel Lampu Jalan sedia ada	Jenis Kabel	Jenis Lantera











Contoh:

Simbol	No. Tiang	Ketinggian <i>service door</i> dari aras tanah/ <i>flange plate</i>	Fizikal Tiang	Kabel Lampu Jalan sedia ada	Jenis Kabel	Jenis Lantera
	DBKL 12 JK	450 mm	Senget/ condong	Kabel sementara talian atas	2 core/ 4 core	HPSV


	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
BAHAGIAN 4	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PETUNJUK (LEGEND) PELAN LAMPU JALAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP4/2

4.3 SIMBOL DAN WARNA















4.3.1 Simbol tiang lampu jalan

Simbol	Keterangan
	Tiang lampu jalan *<u>baharu/ sedia ada</u> * <u>hot-dip G.I/ dekoratif hot-dip G.I</u> berketinggian *<u>9/ 12/ 15</u> m lengkap dengan 0.25 m bracket arm *<u>tunggal / berkembar dua/ berkembar tiga/ berkembar empat.</u>
	Tiang lampu jalan *<u>baharu/ sedia ada</u> * <u>hot-dip G.I/ dekoratif hot-dip G.I</u> berketinggian *<u>9/ 12/ 15</u> m lengkap dengan *<u>1.5/ 2.5/3.0</u> m bracket arm
	Tiang lampu jalan *<u>baharu/ sedia ada</u> * <u>hot-dip G.I/ dekoratif hot-dip G.I</u> berketinggian *<u>9/ 12/ 15</u> m lengkap dengan *<u>1.5/ 2.5/3.0</u> m bracket arm berkembar dua kiri kanan
	Tiang lampu jalan *<u>baharu/ sedia ada</u> * <u>hot-dip G.I/ dekoratif hot-dip G.I</u> berketinggian *<u>9/ 12/ 15</u> m lengkap dengan *<u>1.5/ 2.5/3.0</u> m bracket arm berkembar dua jenis U
	Tiang lampu jalan *<u>baharu/ sedia ada</u> * <u>hot-dip G.I/ dekoratif hot-dip G.I</u> berketinggian *<u>9/ 12/ 15</u> m lengkap dengan *<u>1.5/ 2.5/3.0</u> m bracket arm berkembar dua jenis V
	Tiang lampu jalan *<u>baharu/ sedia ada</u> * <u>hot-dip G.I/ dekoratif hot-dip G.I</u> berketinggian *<u>9/ 12/ 15</u> m lengkap dengan *<u>1.5/ 2.5/3.0</u> m bracket arm berkembar tiga
	Tiang lampu jalan *<u>baharu/ sedia ada</u> * <u>hot-dip G.I/ dekoratif hot-dip G.I</u> berketinggian *<u>9/ 12/ 15</u> m lengkap dengan *<u>1.5/ 2.5/3.0</u> m bracket arm berkembar empat jenis U
	Tiang lampu jalan *<u>baharu/ sedia ada</u> * <u>hot-dip G.I/ dekoratif hot-dip G.I</u> berketinggian *<u>9/ 12/ 15</u> m lengkap dengan *<u>1.5/ 2.5/3.0</u> m bracket arm berkembar empat jenis V
	Tiang elektrik konkrit TNB
	Peti Agihan Bekalan (Feeder Pillar) 3 Fasa berkadaran 100 A


NOTA: Item bertanda * hendaklah dipilih salah satu sahaja.

	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
BAHAGIAN 4	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PETUNJUK (LEGEND) PELAN LAMPU JALAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP4/3




4.3.2 Simbol dan warna lantera lampu jalan

Simbol	Keterangan
	*1/ 2/ 3/ 4 X Lantera LED baharu dengan keupayaan penghasilan pencahayaan ' <i>average maintained Road Surface Luminance</i> ' minima *2.0/ 2.2 cd/m²
	*1/ 2/ 3/ 4 X Lantera LED sedia ada dengan keupayaan penghasilan pencahayaan ' <i>average maintained Road Surface Luminance</i> ' minima *2.0/ 2.2 cd/m² *dikekalkan/ dipasang semula
	*1/ 2/ 3/ 4 X Lantera LED sedia ada ditanggalkan & dihantar ke stor DBKL
	*1/ 2/ 3/ 4 X Lantera HPSV sedia ada ditanggalkan & dihantar ke stor DBKL
	*1/ 2 X Lantera LED jenis solar <i>integrated/all in one</i> baharu dengan keupayaan penghasilan pencahayaan ' <i>average maintained Road Surface Luminance</i> ' minima *2.0/ 2.2 cd/m²
	*1/ 2 X Lantera LED jenis solar <i>integrated/all in one</i> sedia ada dengan keupayaan penghasilan pencahayaan ' <i>average maintained Road Surface Luminance</i> ' minima *2.0/ 2.2 cd/m² *dikekalkan/ dipasang semula
	*1/ 2 X Lantera LED jenis solar <i>integrated/all in one</i> sedia ada ditanggalkan & dihantar ke stor DBKL
	*1/ 2/ 3/ 4 X Lantera LED baharu bagi laluan pejalan kaki berkuasa *30/40/ 50/Lain-lain: nyatakan W pada ketinggian 6 m daripada aras jalan
	*1/ 2 X Lantera LED sedia ada bagi laluan pejalan kaki dikekalkan/ dipasang semula pada ketinggian 6 m daripada aras jalan.
	*1/ 2 X Lantera LED sedia ada bagi laluan pejalan kaki ditanggalkan & dihantar ke stor DBKL
	*1/2 X Lantera HPSV sedia ada bagi laluan pejalan kaki ditanggalkan & dihantar ke stor DBKL
	*1/ 2 X Lantera LED jenis solar <i>integrated/all in one</i> baharu bagi laluan pejalan kaki berkuasa *30/40/ 50/Lain-lain: nyatakan W pada ketinggian 6m daripada aras jalan
	*1/ 2 jenis solar <i>integrated/all in one</i> X Lantera LED sedia ada bagi laluan pejalan kaki dikekalkan/ dipasang semula pada ketinggian 6m daripada aras jalan.
	*1/ 2 X Lantera LED jenis solar <i>integrated/all in one</i> sedia ada bagi laluan pejalan kaki ditanggalkan & dihantar ke stor DBKL







NOTA: Item bertanda * hendaklah dipilih salah satu sahaja.


	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
BAHAGIAN 4	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PETUNJUK (LEGEND) PELAN LAMPU JALAN	Semakan: 1 Tarikh: Jun 2023 Muka Surat: GP4/4

4.3.3 Simbol dan warna Papan Agihan Bekalan (Feeder Pillar) lampu jalan

Simbol	Keterangan
	Peti Agihan Bekalan (Feeder Pillar) Fasa 3 berkadaran 100 A, baharu
	Peti Agihan Bekalan (Feeder Pillar) Fasa 3 berkadaran 100 A, sedia ada dan dikekalkan
	Peti Agihan Bekalan (Feeder Pillar) Fasa 3 berkadaran 100 A, sedia ada ditanggalkan & dihantar ke stor DBKL

4.3.4 Contoh simbol, warna dan keterangan lampu jalan

Simbol	Keterangan
	<u>2</u> X Lantera LED baharu dengan keupayaan penghasilan pencahayaan ' <i>average maintained Road Surface Luminance</i> ' minima <u>2.0 cd/m²</u> pada tiang lampu jalan <u>baharu hot-dip G.I</u> berketinggian <u>9 m</u> lengkap dengan <u>0.25 m bracket arm berkembar dua</u> .
	<u>1</u> X Lantera HPSV sedia ada dan tiang lampu jalan <u>sedia ada hot-dip G.I</u> berketinggian <u>12 m</u> lengkap dengan <u>3.0 m</u> bracket arm ditanggalkan & dihantar ke stor DBKL
	<u>2</u> X Lantera LED baharu dengan keupayaan penghasilan pencahayaan ' <i>average maintained Road Surface Luminance</i> ' minima <u>2.0 cd/m²</u> pada tiang lampu jalan <u>baharu dekoratif G.I</u> dengan ketinggian <u>12 m</u> lengkap dengan <u>3.0 m</u> bracket arm berkembar dua jenis U
	<u>2</u> X Lantera LED sedia ada dengan keupayaan penghasilan pencahayaan ' <i>average maintained Road Surface Luminance</i> ' minima <u>2.0 cd/m²</u> <u>dipasang semula</u> pada tiang lampu jalan <u>baharu hot-dip G.I</u> berketinggian <u>12 m</u> lengkap dengan <u>3.0 m</u> bracket arm berkembar dua jenis V dan tiang sedia ada ditanggalkan & dihantar ke stor DBKL.
	<u>2</u> X Lantera LED baharu dengan keupayaan penghasilan pencahayaan ' <i>average maintained Road Surface Luminance</i> ' minima <u>*2.0 cd/m²</u> pada tiang lampu jalan <u>baharu hot-dip G.I</u> berketinggian jalan <u>9 m</u> lengkap dengan <u>2.5 m</u> bracket arm berkembar dua <u>bersama dengan 1</u> X Lantera LED baharu bagi laluan pejalan kaki berkuasa <u>50 W</u> pada ketinggian 6 m daripada aras jalan lengkap dengan <u>0.25 m bracket arm tunggal</u>
	<u>4</u> X Lantera LED sedia ada ditanggalkan & dihantar ke stor DBKL dan Tiang lampu jalan <u>sedia ada hot-dip G.I</u> berketinggian <u>15 m</u> lengkap dengan <u>3.0 m</u> bracket arm berkembar empat jenis U <u>dikekalkan</u> .

	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL BAHAGIAN ELEKTRIKAL	
	GARIS PANDUAN PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN LAMPU AWAM - PETUNJUK (LEGEND) PELAN LAMPU JALAN	Semakan: 1
		Tarikh: Jun 2023
BAHAGIAN 4		Muka Surat: GP4/5

4.3.5 Nombor inventori peti agihan bekalan

Nombor inventori peti agihan bekalan hendaklah dicetak stensil dengan cat hitam menggunakan ketinggian huruf 90 mm seperti format berikut:

Format	Contoh
DBKL	DBKL
FP__ (No. FP)	FP2
J___ (Ringkasan Nama Jalan Raya)	JTAR


4.3.6 Nombor inventori tiang lampu jalan

